

# Penggunaan Internet naik mendadak

H-M 2/11/08 M/S 14

**W**ASHINGTON: Kempen Pilihan Raya Presiden Barack Obama dan John McCain banyak bergantung kepada Internet tapi hakikatnya, bukan mereka sahaja yang mengambil kesempatan terhadap kuasa Internet pada pemilihan ini.

Pengundi juga turut menggunakan kemudahan ini, daripada mengetahui jumlah wang yang didermakan jiran atau selebriti, menonton video di YouTube, membaca blog politik, laman web berita terkini atau memperoleh nasihat daripada ahli politik di laman web Truth-O-Meter.

Jika laman web calon, Facebook, video YouTube, ringkasan Twitter dan e-mel diketepikan, masih banyak laman web yang penuh dengan maklumat berkaitan pilihan raya kali ini boleh dilayari

pengundi di Amerika Syarikat (AS).

"Terlalu banyak laman web berkecuali yang menyediakan pelbagai maklumat dan ia bukan sahaja maklumat mengenai calon pada pilihan raya ini. Banyak lagi maklumat lain yang boleh diperolehi berkaitan kempen pilihan raya sama ada di peringkat tempatan, negeri mahupun kebangsaan," kata pengasas bersama blog tech-president.com yang meliputi isu politik dan laman web, Micah Sifry.

Jika ada yang ingin mengetahui mengenai penderma dan penerima pilihan raya ini, mereka boleh berkunjung ke laman web open-secrets.org dan hanya perlu menaipkan nama di ruang mencari dan menyatakan tempat tinggal atau kod zip.

"Jika miliki banyak masa, laman web Suruhanjaya Pe-

milihan Persekutuan juga boleh membantu dan maklumat di laman web ini, fex.gov amat sukar diperolehi di tempat lain," kata Pengarah Insititut Demokrasi Politik dan Internet di Universiti George Washington, Julie Germany.

Sifry pula menyatakan, laman web votesmart.org pula menyediakan sumber maklumat berguna mengenai calon tempatan ataupun peringkat negeri.

"Selain itu, opencongress.org juga boleh digunakan untuk melihat rekod ahli Kongres dan perundangan yang telah mereka ketengahkan dan juga sokongan terhadap isu-isu. Ia boleh diperolehi dengan mudah di laman web ini," katanya lagi.

Selain itu, pengundi turut boleh melayari thomas.loc.gov yang diuruskan

Kongres Perpustakaan AS dan menjejak setiap ahli Kongres dan Senat.

Jika ada yang sangsi mengenai kebenaran kenyataan seseorang calon, mereka boleh mengunjungi laman web politifact.com, laman yang diuruskan majalah Congressional Quarterly dan akhbar St. Petersburg Times, Florida yang akan menyemak ketepatan setiap kenyataan calon dengan Truth-O-Meter.

Pada masa sama, laman factcheck.org, laman berkecuali pula memiliki misi memastikan ahli politik bertanggungjawab terhadap kenyataan mereka.

Untuk mereka yang ingin mengetahui kedudukan calon, laman terbaik daripada puluhan laman adalah realclearpolitics.com dan mereka yang gilakan isu politik mungkin melayarinya ber-



# Pungutan Pendapat Terkini Pemilihan Presiden AS


Ramalan sokongan undi setiap negeri.  
270 undian kolej diperlukan untuk menang

**Obama**

**McCain**



85	Belum pasti	
238	Padu	127
73	Cenderung	15



**Perubahan terkini**

Negeri	Sebelum ini	Kini
Pennsylvania	Padu Obama	Cenderung Obama
Georgia	Cenderung McCain	Belum pasti
Nevada	Belum pasti	Cenderung Obama
New Hampshire	Cenderung Obama	Padu Obama
Arizona	Padu McCain	Cenderung McCain

Sumber: RealClear Politics

jam-jam lamanya.

Pengundi juga boleh melaporkan masalah pada hari mengundi. YouTube menggalakkan setiap pengundi merakamkan apa yang berlaku di pusat mengundi. Projek ini dinamakan 'Video Your Vote' (rakam undi anda) dan video disiarkan di [youtube.com/videoyourvote](http://youtube.com/videoyourvote) dengan tajuk masalah pusat mengundi, masalah pendaftaran dan kekacauan mengundi.

Blog micro, Twitter bekerjasama dengan [techpresident.com](http://techpresident.com) dan laman web lain untuk melancarkan Laporan Undi Twitter yang menyediakan ruang khas kepada pengundi menghantar mesej ringkas menceritakan pengalaman mengundi dan masalah yang dilalui.

Bukan sahaja gergasi Internet seperti Google dan Yahoo, pelbagai laman lain menyediakan alat untuk menseskan perjalanan pilihan raya.

"Saya suka [mapthecandidates.com](http://mapthecandidates.com). Mereka menggunakan Google untuk memeta perjalanan calon dan di setiap hentian kempen, mereka akan mengumpul sebanyak mungkin maklumat, tidak kira berita akhbar, teks ucapan, rakaman ucapan ataupun analisis yang dilakukan terhadap setiap ke-

yari Google dan menaip nama calon dan hanya menggunakan yang pertama dalam senarai carian."

Apapun, Pusat Kaji Selidik Untuk Rakyat dan Media Pew menyatakan, penggunaan Internet meningkat pada pemilihan ini dengan 59 peratus pengundi berdaftar membuat carian berkaitan pilihan raya atau berkomunikasi mengenai isu berkaitan kempen.

Penggunaan rakaman video turut meningkat mendadak dengan wujudnya YouTube dengan 39 peratus pengundi melihat rakaman berkaitan kempen di Internet berbanding 24 peratus Disember lalu.

Bagaimanapun, meskipun Facebook dan MySpace turut digunakan untuk isu politik, Pew mendapati hanya lapan peratus pengundi mengunjungi laman web itu untuk maklumat kempen.

Menurut syarikat comScore yang memantau aliran kunjungan Internet, pilihan raya ini turut menyebabkan ramai pengunjung mengunjungi laman web berkecuali seperti [HuffingtonPost.com](http://HuffingtonPost.com), [Politico.com](http://Politico.com) dan [Drudgereport.com](http://Drudgereport.com) dan blog seperti [DailyKos.com](http://DailyKos.com) dan [RedState.com](http://RedState.com).

Majoriti warga AS bagaimanapun bergantung kepada media utama dan rang-